

AL-HIKMAH

Jilid 9 ISSN 1985-6822 2017
No. 2 1439

- CABARAN BAGI GOLONGAN OKU PENGLIHATAN DALAM MELAKSANAKAN IBADAH SOLAT...3-15
Nurul Asmak Liana Bakar
 - HIDUP BERKELUARGA MELALUI DIDIKAN AMALAN Q-ROHANI (AFEKTIF): SATU PENDEKATAN FUZZY DELPHI...16-31
Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Abdul Muqsith Ahmad, Nurulrabiah Mat Noh
 - TAUBAT PENAGIH DAN PENERIMAAN KOMUNITI: KAJIAN KES DI BAITUL CAKNA TERENGGANU ...32-40
Ahmad Tarmizi Yusof, Mohd Safri Ali, Wan Hishamudin Wan Jusoh, Berhanundin Abdullah, Abdul Wahab Ali
 - KEPENTINGAN KEROHANIAN DALAM MENANGANI PESAKIT KANSER WANITA MENURUT ISLAM ...41-56
Nora Ahmad @ Aziz, A'dawiyah Ismail, Salasiah Hanim Hamjah
 - CIRI-CIRI GPI PROFESIONAL BERASASKAN RIADHAH RUHIYYAH MENURUT PANDANGAN AL-GHAZALI: ANALISIS KANDUNGAN BAB ADAB TERHADAP GURU DALAM KITAB IHYA ULUM AL-DIN ...57-77
Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin
 - ISU-ISU DAKWAH DALAM TAFSIR AL-QUR'AN AL-KARIM ...78-86
Nadzrah Ahmad, Sohirin M Solihin, Ahmad Nabil Amir
 - TAZKIYAT AL-NAFS DALAM KERANGKA MAQASID AL-SHARI'AH ...87-98
Abu Dardaa Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar, Mohamad Zulkifli Abd Ghani
 - PEMELIHARAAN HARTA: ANALISIS MENURUT DIWAN IMAM SHAFI'I ...99-112
Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Najihah Abd. Wahid
 - IDENTIFIKASI IDENTITI BISEKSUAL DAN HUBUNGANNYI DENGAN ASPEK SOKONGAN SOSIAL DAN KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN INDIVIDU BISEKSUAL DI MELAKA... 113-130
Suhaya Deraman, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar, Anis Nor Amelia Nor Asikin & Izzah Nur Aida Zur Raffar
 - PENERAPAN FIQH AWLAWIYYAT DALAM DAKWAH KEPADA SAUDARA BARU... 131-140
Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Anuar Puteh, Abdul Ghafar Don
 - TEORI KEPIMPINAN DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT DALAM TERMA KEPIMPINAN TRANSFORMASI... 141-153
Nor Anisah Abu Hanipah, Razaleigh Muhamat@Kawangit
 - PERSEPSI KHATIB TERHADAP SENI RETORIK DALAM TEKS KHUTBAH JUMAAT JAWI... 154-166
Mohd Azizon Noordin, Zulkefli Haji Aini
 - PERLAKSANAAN HISBAH DI MALAYSIA PADA MASA KINI: PERKEMBANGAN DAN HALANGAN... 167-185
Muhammad Syahir Abu Bakar, Wan Fariza Wan Alyati Wan Zakaria, Kamaruddin Salleh

• رحمت الله الهندى الكبيرى وكتابه أطهار، المغ: النقد الإسلامى للعهد القديم والجديد ... 186-204

عبدالكبير حسين صالح

Al-Hikmah 6(2) 2014: 167-185

Perlaksanaan Hisbah di Malaysia pada Masa Kini: Perkembangan dan Halangan

Implementation of Hisbah in Malaysia in the Present:
Development and Obstacles

MUHAMMAD SYAHIR ABU BAKAR*
WAN FARIZA WAN ALYATI WAN ZAKARIA
KAMARUDDIN SALLEH

ABSTRAK

Institusi *hisbah* di seluruh dunia akhir-akhir ini dilihat semakin lemah atau semakin hilang fungsinya dan ia perlu diberikan perhatian yang serius kerana kegagalan melaksanakannya akan mengundang pelbagai natijah buruk yang sangat merosakkan. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana perkembangan perlaksanaan institusi *hisbah* di Malaysia pada masa kini yang mana dikatakan sebagai satu agen atau badan pencegah segala kemungkaran di samping menggalakkan segala amal kebaikan. Selain itu, kajian ini juga membincangkan mengenai halangan-halangan yang dihadapi di sepanjang perlaksanaan institusi *hisbah* di Malaysia dan mencadangkan langkah-langkah yang sesuai bagi menanganinya. Hasil kajian ini mendapati bahawa perkembangan institusi *hisbah* di Malaysia masih di tahap sederhana dan segala halangan perlu ditangani dengan bijaksana. Oleh itu, semua institusi *hisbah* di Malaysia ini perlu berganding bahu dalam memajukan lagi pengurusan sistem *hisbah* demi kepentingan bersama.

Kata Kunci: *hisbah, Malaysia, perkembangan, halangan.*

ABSTRACT

Hisbah institution around the world lately seen weakening or losing their functionality and it needs to be taken seriously because of the failure to implement them will invite a range of bad damages. The study aims to see the extent of the implementation of *hisbah* institutions in Malaysia today which is said to be an agent or deterrent of all misbehavior as well as to promote all good deeds. In addition, this study also discussed the obstacles faced during the implementation of *hisbah* institutions in Malaysia and propose appropriate measures to address them. The findings show that the development of *hisbah* institutions in Malaysia is still at moderate level and all obstacles need to be addressed wisely. Hence, all *hisbah*

institutions in Malaysia need to work together to advance the management of the *hisbah* system in the common interest.

Keywords: *hisbah, Malaysia, development, obstacles.*

PENGENALAN

Manusia dipertanggungjawabkan bagi dirinya untuk mengerjakan dan menegakkan tuntutan *al-Amar bi al-Ma'ruf wa Nahi 'an al-Munkar*. Namun, manusia masih mempunyai kecenderungan untuk lalai dan lupa khususnya bagi mereka yang memegang kuasa, cenderung untuk berlaku penyelewengan, pengkhianatan, korupsi, kezaliman, penindasan dan menyalahgunakan kuasa.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap manusia untuk mengingatkan antara satu sama lain dan mencegah segala kemungkaran tersebut, jika gagal melakukannya maka semua masyarakat akan menimpa bala akibat perbuatan buruk manusia tersebut. Di sini, penulis ingin menjelaskan sejauh mana perlaksanaan *hisbah* di Malaysia oleh para *muhtasib* atau pegawai penguasa yang dikatakan sebagai satu agen pencegah segala kemungkaran di samping menggalakkan segala amal kebaikan demi keselamatan dan kesejahteraan sesebuah masyarakat, organisasi, agama dan negara.

PERNYATAAN MASALAH

Penguatkuasaan atau *hisbah* itu terdapat pelbagai pengertian, namun kesemuanya adalah lebih kurang sama iaitu kebanyakan para ilmuwan dilihat bersepakat bahawa pengertian *hisbah* itu adalah bermaksud tanggungjawab manusia dalam melakukan kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran (al-Ghazali 1982: 306; al-Mawardi 1989: 315-316; Ibn Khaldun 1961: 225; al-Shihawi 1962: 9). Secara keseluruhannya, maka dapat dirumuskan bahawa definisi *hisbah* menurut pandangan Islam ialah segala aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan serta amalan dalam menegakkan *al-Amar bi al-Ma'ruf wa al-Nahi 'an al-Munkar* sama ada terhadap individu, masyarakat, organisasi, agama dan negara demi kebaikan dan keselamatan bersama.

Kelainan institusi penguatkuasaan atau *hisbah* yang dilaksanakan oleh Islam dengan intitusi penguatkuasaan yang bukan Islam ialah *hisbah* dalam Islam ialah sebuah badan dan satu golongan yang

dipertanggungjawabkan dalam melaksanakan dan menegakkan tuntutan *al-Amar bi al-Ma'ruf wa Nahi 'an al-Munkar* pada jalan Allah SWT Yang Maha Esa dan selaku Pencipta Sekalian Makhluk di Alam Semester ini. Ia tidak mengira bidang atau jenis *hisbah* yang dijalankan asalkan berpandukan kepada undang-undang dan landasan syariah. Namun, isunya ialah pada zaman globalisasi dan modenisasi ini, terdapat pelbagai kekangan semasa yang perlu dihadapi dan ditangani oleh institusi *hisbah* yang mana adakalanya ia mampu merencatkan atau mengganggu operasi dan perjalanan para *muhtasib* untuk menuai tanggungjawab mereka dengan baik dan sempurna.

Adapun halangan dan kekangan yang terbesar adalah melaksanakan pengurusan dan pentadbiran *hisbah* secara Islamik sepenuhnya. Ini telah menyebabkan sistem pengurusan dan pentadbiran *hisbah* hari ini menjadi goyah dan rapuh serta seolah-olah kehilangan fungsi sebagai wahana pembela hak insan dan tidak berdaya lagi untuk berperanan kembali kerana masyarakat dan para anggota penguat kuasa telah jauh meninggalkan asas pengurusan dan pentadbiran *hisbah* secara Islamik apatah lagi untuk memahami dan menghayatinya. Untuk itu, kajian ini telah melihat kembali perkembangan perlaksanaan *hisbah* di Malaysia pada masa kini dan halangan yang dihadapi serta mencadangkan langkah-langkah bagi memperkasakan lagi institusi penguatkuasaan di Malaysia.

Berdasarkan kajian-kajian dan tulisan-tulisan yang lepas sama ada para sarjana klasik maupun kontemporari (al-Ghazali 1982; al-Mawardi 1989; Ibn Taymiyyah 2004; Ahmad Ibrahim Abu Sin 1991; Abdul Hadi Awang 1995; Auni 2000; Mardzelah 2008; Rasid et al. 2008; Azman 2013; Azrin 2014), kebanyakan mereka lebih cenderung untuk membincangkan mengenai elemen-elemen utama sistem pengurusan dan pentadbiran *hisbah* seperti definisi, syarat-syarat, cara perlaksanaan, etika dan adab melakukan penguatkuasaan. Namun, bagi perkembangan dan kekangan *hisbah* di Malaysia, masih perlu ditulis secara khusus. Oleh itu, tulisan-tulisan ini adalah rujukan utama penulis kerana sangat membantu dalam mengembangkan lagi kajian ini.

Melalui perbincangan artikel ini telah mendapati bahawa terdapat tiga perkara utama yang telah ketengahkan dalam membincangkan kajian ini yang sesuai dengan objektif kajian ini iaitu terdiri daripada perkembangan perlaksanaan sistem pengurusan dan pentadbiran *hisbah* di Malaysia, elemen pengurusan dan pentadbiran Islam kekangan dalam melaksanakan pengurusan dan pentadbiran *hisbah* di Malaysia, serta cadangan terhadap langkah-langkah untuk mengatasi kekangan dan halangan yang dihadapi bagi perlaksanaan *hisbah* di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan perkembangan perlaksanaan sistem pengurusan dan pentadbiran *hisbah* di Malaysia. Setelah itu, kajian ini juga menerangkan halangan dalam melaksanakan pengurusan dan pentadbiran *hisbah* di Malaysia. Di samping itu, kajian ini turut mencadangkan langkah-langkah untuk mengatasi halangan dankekangan yang dihadapi bagi perlaksanaan *hisbah* di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif iaitu melibatkan kajian kepustakaan (*library research*). Rekabentuk kajian (*research design*) ini adalah berbentuk analisis kandungan (*contents analysis*) iaitu bersesuaian dengan permasalahan kajian yang telah dikemukakan. Pengumpulan data dalam kajian ini hanya melibatkan kepada satu kaedah sahaja iaitu analisis dokumen iaitu lebih kepada meneliti secara terperinci kepada beberapa tekstual (*textual*) tertentu yang melibatkan kajian perkembangan dan kekangan perlaksanaan sistem pengurusan dan pentadbiran *hisbah* di Malaysia. Analisa dokumen yang berdasarkan tekstual ini dibuat berdasarkan kepada dua iaitu sumber primer iaitu sumber primer merupakan sumber yang mempunyai kaitan langsung dengan keadaan atau perkara yang dikaji dan sumber sekunder iaitu sumber perantara di antara keadaan atau pengalaman yang dikaji seperti ulasan, makalah dan juga buku-buku ilmiah. Sumber-sumber terdiri daripada tesis-tesis, buku-buku atau kitab, artikel-artikel jurnal, kamus, ensiklopedia dan laman sesawang. Penganalisisan data dilakukan setelah data-data dan maklumat dikumpulkan. Pengkaji akan menganalisis dan melihat hubung kait antara fakta-fakta, menginterpretasi data lalu membuat penilaian serta kesimpulan sebagai hasil penemuan kajian dengan menggunakan metode induktif kerana pemikiran induktif itu adalah berbentuk pernyataan khusus menuju kepada pernyataan umum. Penggunaan metode ini adalah sangat penting untuk mengembangkan lagi perbincangan mengenai kajian perkembangan dan kekangan terhadap perlaksanaan sistem pengurusan dan pentadbiran *hisbah* di Malaysia ini.

PERKEMBANGAN PERLAKSANAAN HISBAH DI MALAYSIA

Berikut adalah perkembangan perlaksanaan *hisbah* di Malaysia iaitu:

a. Aspek Agama dan Akhlak

Tanggungjawab institusi *hisbah* yang paling besar adalah menjaga kesucian akidah, ibadat dan akhlak malah melindungi dan mempertahankan maruah agama Islam daripada dicemari serta diselewengkan, dan dipijak oleh golongan yang tidak bertanggungjawab dan juga musuh Islam. Untuk itu, kerajaan Malaysia telah menubuhkan beberapa badan penguatkuasaan seperti Bahagian Penguatkuasa dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan juga dari Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), dibantu dan disokong juga oleh badan-badan organisasi Islam yang lain seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Majlis Dakwah Negara (MDN), Institut Islam Hadhari dan badan-badan Islam yang lain. Mengenai contoh kemungkaran yang biasa berlaku ialah kecuaian dan kealpaan dalam seperti puasa dan solat Jumaat kerana kegagalan melawan nafsu mereka sendiri. Dalam hal ini, para *muhtasib* boleh memberi amaran, nasihat dan teguran serta menghukum berdasarkan peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Badan penguatkuasaan juga menggalakkan orang ramai agar suka melakukan amal kebajikan dan menjauhi kemungkaran, serta sentiasa menjaga akidah dan agama agar tidak terseleweng ke jalan yang sesat. Para *muhtasib* juga boleh mengambil tindakan menasihati, menangkap atau mendenda individu yang didapati perlakuannya mencurigakan seperti berdua-duaan lelaki dan perempuan, mengintai keibaian orang, mengunjungi pusat-pusat hiburan dan seumpamanya. Selain itu, para pegawai penguatkuasa juga perlu diawasi dan dikawal bagi memastikan mereka juga tidak terlibat dengan penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan dan pengkhianatan serta berkomplot dengan pihak tertentu dalam melakukan kemungkaran. Oleh itu, kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan iaitu sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan melalui Akta Parliment, di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700) yang diwartakan pada 3 September 2009. Akta 700 kemudian dikuatkuasakan pada 1 April 2011.

b. Aspek Sosial dan Sektor Awam serta Swasta

Antara institusi *hisbah* yang menggalas tanggungjawab dalam melindungi, menjaga dan memelihara keselamatan serta keamanan masyarakat dan negara itu ialah seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan sebagainya. Polis Diraja Malaysia (PDRM) berfungsi untuk menjaga keselamatan masyarakat dan negara serta membanteras sebarang aktiviti yang menjadi ancaman dan jenayah seperti pembunuhan, rompakan, jenayah kolar putih, perjudian, penculikan, dadah, pengganas, musuh negara dan lain-lain lagi. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan dikenali juga sebagai Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) iaitu satu akta untuk menggalakkan integriti dan kebertanggungjawaban pentadbiran sektor awam dan swasta dengan menubuhkan suatu badan pencegahan rasuah yang bebas serta mendidik semua masyarakat tentang rasuah dan kesan buruknya terhadap pentadbiran sektor awam dan swasta dan komuniti (Malaysia Kita 2014: 479). Fungsi-fungsi SPM ini antaranya menerima dan menimbalangkan apa-apa aduan tentang pelakuan kesalahan di bawah akta ini dan membantu mereka menyelesaikan masalah, menasihati ketua dan badan-badan awam tentang cara-cara yang sesuai agar mengurangkan kemungkinan berlakunya rasuah, mendidik orang ramai untuk menentang rasuah, serta mendapatkan sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah (Malaysia Kita 2014: 491-492). Manakala bagi Jabatan Imigresen Malaysia pula, ia adalah berfungsi untuk mengeluarkan passport atau dokumen perjalanan kepada warganegara dan penduduk tetap, mengeluarkan visa, pas dan permit kepada warganegara asing yang memasuki Malaysia, mengawal selia pergerakan keluar dan masuk orang di pintu-pintu masuk yang diwartakan, serta memberi perkhidmatan sokongan yang berkualiti dan efisien kepada para pelanggan di Jabatan Imigresen Malaysia (Azrin 2014: 58). Dengan itu, semua agensi penguatkuasaan yang wujud di Malaysia ini memainkan peranan yang penting dan besar dalam membanteras kemungkaran.

c. Aspek Alam Sekitar, Kebersihan dan Kesihatan

Mengenai pengawasan dalam aspek alam sekitar, kebersihan dan kesihatan, pihak yang bertanggungjawab adalah seperti Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan, dan Kerajaan Tempatan yang bawahnya ialah Jabatan Kerajaan Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dibawahnya

seperti Majlis, Dewan atau Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Mengenai alam sekitar, para *muhtasib* boleh mengambil tindakan seperti saman, hukuman denda dan sebaginya sekiranya terdapat mereka yang mencemarkan alam sekitar seperti menebang pokok secara berleluasa, mencemarkan air sungai dan laut, pembakaran hutan yang berleluasa, meruntuhkan tanah bukit-bukau atau gunung-ganang untuk tujuan pembinaan dan sebagainya. Para *muhtasib* juga perlu memelihara haiwan terancam daripada kepupusan dan melindunginya daripada aktiviti penyeludupan dan makan esotik. Mengenai kebersihan, tugas institusi *hisbah* yang paling terkenal dalam kebersihan ini ialah mengawal kebersihan di premis-premis perniagaan menjadi tugas para *muhtasib* bagi menjamin dan memastikan ia berada di tahap yang memuaskan dan terkawal. Setiap makanan yang dijual hendaklah dipastikan bersih dari sebarang kekotoran dan tidak tercemar. Mengenai kesihatan, soal kesihatan penduduk juga turut diawasi oleh para *muhtasib*. Menjadi tanggungjawab *muhtasib* mengawasi kelayakan para doktor dan ahli farmasi kerana merekaalah orang yang bertanggungjawab menjaga kesihatan awam. Para *muhtasib* juga diberi kuasa melakukan pemeriksaan terhadap ubat-ubatan yang dipasarkan pada setiap minggu supaya tidak memudaratkan pesakit atau membawa maut.

d. Aspek Ekonomi

Peranan penguat kuasa yang berkaitan dengan kegiatan ekonomi sememangnya amat luas kerana wujudnya pelbagai bentuk transaksi perniagaan dan perdagangan sama ada berskala kecil atau besar. Untuk itu, kerajaan Malaysia telah menubuhkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) pada 11 Jun 2009 yang mana asalnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Dalam KPDKKK ini terdapat bahagian penguatkuasaan bagi bertujuan untuk menguatkuasakan undang-undang dan melindungi hak pengguna. Secara khususnya, terdapat undang-undang di bawah Bahagian Penguatkuasa KPDKKK iaitu Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961, Akta Sewa Beli (ASB) 1967, Akta Timbang dan Sukat (ATS) 1972, Akta Perlindungan Pengguna (APP) 1999, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2011 (Azrin 2014: 63-64). Pihak Berkuasa

Tempatan (PBT) juga mempermudahkan peranannya dalam menguatkuasakan peraturan-peraturan perniagaan dalam memastikan setiap premis dilesenkan, bersih dan tidak mengganggu orang awam. Mengenai pengawasan halal dan haram dalam jual beli pula, bahagian penguat kuasa KPDKKK telah diperkasakan lagi dengan kerjasama dan penyertaan oleh bahagian penguat kuasa dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu dari Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta juga Badan Penguatkuasaan dari Majlis Pengawasan Syariah (MPS). Ia juga diperkasakan lagi oleh Halal JAKIM yang lebih efisien dalam memastikan segala barang itu adalah halal dan merealisasikan konsep *Halalan Tayyiban*. Selain itu, penguat kuasa juga berperanan dalam membanteras pemonopolian, penipuan dan penyelewengan pada harga, barang, timbangan dan sukatan serta segala transaksi jual beli yang berunsurkan riba.

Oleh yang demikian, penulis telah memperjelaskan mengenai perkembangan dan peranan institusi *hisbah* di Malaysia ini dan kewujudannya adalah sesuatu yang tidak boleh dinafikan lagi kerana ia telah mampu membasmikan dan mencegah serta mendedahkan pelbagai bentuk kesalahan, penipuan, penyelewengan, pengkhianatan, pengeksploitasi, kezaliman dan pelbagai kejahatan yang berlaku daripada pelbagai sektor dalam sesebuah negara. Peranannya bukan setakat mengawasi kesalahan luaran semata-mata, bahkan melampaui kesalahan-kesalahan lain yang berkait dengan aspek spiritual, akhlak, dan moral penduduk. Institusi *hisbah* ini berkembang selari dengan perubahan zaman. Sehubungan itu, pelaksanaannya boleh diubahsuai dan dikemas kini mengikut kesesuaian zaman.

HLALANGAN PERLAKSANAAN *HISBAH* DI MALAYSIA

Antara halangannya adalah seperti berikut:

a. Persaingan Sistem Pengurusan Penguatkuasaan Konvensional

Sistem pengurusan *hisbah* menurut Islam jika hendak dibandingkan dengan sistem pengurusan konvensional seperti Barat dan Jepun amat jauh berbeza dari banyak aspek terutama dalam aspek teori dan amalannya. Sistem pengurusan dan pentadbiran konvensional bukan sahaja menjadi dasar dan amalan negara-negara maju bahkan menjadi tunjang kepada sistem pengurusan di negara-negara mundur dan membangun yang kebanyakannya

terdiri daripada negara-negara Islam. Sistem pengurusan *hisbah* menurut Islam merupakan suatu sistem yang lahir daripada sistem pengurusan Islam yang berasaskan paradigma tauhid iaitu satu falsafah yang lengkap berhubung dengan manusia dan kehidupannya yang diwahyukan oleh Allah SWT dan jika hendak dibandingkan dengan sistem-sistem bukan Islam yang lain, nyata sekali jauh lebih sempurna kerana ianya bersifat lengkap dan melengkapi (*shumul*) yang mencakupi aspek jasmani dan rohani (Rasid et al. 2008: 16-19). Ia adalah berbeza dengan sistem penguatkuasaan yang lebih menekankan aspek material semata-mata dengan mengabaikan aspek agama, etika dan nilai, serta pembangunan insan. Masalahnya sekarang ialah sistem pengurusan *hisbah* menurut Islam tidak diyakini dan tidak mendapat tempat untuk menjadi dasar dan amalan dalam sebuah organisasi di dunia ini sama ada dalam kerajaan, pihak swasta, syarikat, persatuan dan sebagainya kerana didakwa tidak praktikal untuk dilaksanakan. Mungkin ada yang mengamalkan sistem pengurusan *hisbah* menurut Islam tetapi hanya sedikit sahaja dan tidak menyeluruh. Padahal, ramai manusia yang tidak sedar sistem ini sebenarnya telah pun dibangunkan sejak zaman Rasulullah SAW lagi dan mengalami beberapa reformasi yang bersesuaian dengan suasana, zaman dan tempat.

b. Impak Negatif daripada Cabaran Arus Globalisasi

Walaupun pengaruh globalisasi dari aspek positif itu ada juga kebaikannya, namun dari aspek negatifnya adalah lebih parah dan merosakkan. Pengaruh globalisasi terhadap corak hidup masyarakat kini adalah berkaitan dengan budaya, fahaman pemikiran, sistem ekonomi dan politik Barat yang dilihat sebagai cabaran besar yang perlu dihadapi oleh semua masyarakat Islam di dunia ini. Globalisasi merupakan cara penjajahan halus dan terselindung yang boleh mengikis nilai luhur masyarakat lalu menerima nilai pemikiran Barat tanpa disaring atau ditapis (JAKIM t.th., p19). Melalui globalisasi, Barat bebas membawa pengaruh dari segi ideologi atau fahaman dan budaya hedonisme dengan meluas ke serata dunia. Memang diakui implikasinya dari sudut positif iaitu melalui pendedahan kepada seluruh masyarakat dan negara untuk maju ke hadapan dengan penggunaan teknologi yang tinggi serta pentadbiran yang sistematik. Namun, yang dikhuatiri ialah daripada sudut negatifnya iaitu pelbagai budaya kuning dan nilai-nilai negatif yang boleh merosakkan serta menghakis nilai-nilai moral dan akhlak Islam itu sendiri seperti penyebaran ajaran sesat, terlibat dalam pornografi, fitnah dan jenayah siber, terlibat dengan jenayah dan keganasan, seks bebas, pemakaian yang kurang sopan, muzik dan hiburan melampaui batas,

menggunakan sains dan teknologi untuk merosakkan atau membina sesebuah agama, bangsa dan negara. Kelonggaran pegangan agama dan akhlak Islam serta undang-undang Islam akan mengakibatkan kesan negatif yang amat parah apabila para *muhtasib* gagal menepisnya.

c. Penentangan daripada Masyarakat Berbilang Kaum dan Agama

Sikap dan keyakinan masyarakat sekarang dilihat lebih ghairah menjurus ke arah pemikiran pengurusan moden Barat dan Jepun (Auni 2009: 110). Masyarakat kini berpendapat bahawa sistem penguatkuasaan hanya akan berkesan jika menggunakan sistem pengurusan penguatkuasaan dari Barat dan Jepun sahaja. Selain itu, terdapat juga penentangan daripada pihak-pihak yang berkepentingan yang tidak ingin melihat Islam dijadikan sebagai asas pembentukan sistem penguatkuasaan yang penuh dengan nilai-nilai agama, akhlak dan moral. Penentangan itu kini bukan sahaja berlaku oleh masyarakat bukan Islam, bahkan yang paling memalukan ialah daripada masyarakat Islam itu sendiri, ia juga ditentang oleh pelbagai etnik dan kaum malah juga daripada pelbagai parti politik dan badan organisasi yang mana kononnya negara akan menjadi mundur kerana mengikut teori dan falsafah pengurusan dan pentadbiran Islam yang telah lama ketinggalan lalu memilih sistem pengurusan penguatkuasaan Barat dan Jepun yang tiada nilai-nilai moral itu sebagai alternatif. Masyarakat moden masa kini kurang ilmu pengetahuan dan cetek pemikiran mereka dan tidak sedar bahawa Islam adalah sebuah agama yang sempurna dan meliputi semua bidang termasuk juga sistem pengurusan *hisbah* yang merupakan perintah yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia selaku khalifah di muka bumi. Dengan itu, umat Islam boleh mengislamisasikan sistem pengurusan penguatkuasaan dari Barat atau Jepun ke dalam konsep dan ajaran Islam tanpa mengenepikan atau membuang terus nilai-nilai murni dan akhlak Islam darinya. Hal demikian boleh mengelakkan berlakunya pelbagai jenayah dan kerosakan moral serta salah laku dalam kalangan masyarakat sekiranya sesuatu sistem itu menjadi bebas nilai serta jauh daripada pegangan agama.

d. Kesukaran dalam Membendung Terhadap Peningkatan Masalah Sosial dan Jenayah

Institusi penguatkuasa itu akan dianggap tidak berguna atau tidak berfungsi jika masalah sosial dan jenayah dalam masyarakat sentiasa meningkat seperti zina, rogol, judi, minum arak, mencuri, membunuh, riba, rasuah, khianat, ponteng sekolah, vandalisme, gangsterisme, merempit, merokok,

mencuri, buli, penyalahgunaan dadah, pergaulan bebas, pornografi, seks luar nikah, pelacuran, pembuangan bayi dan membunuh, dan lain-lain perbuatan mungkar serta kemaksiatan (JAKIM t.th.: 19). Semua masalah ini akan membantutkan usaha-usaha kerajaan dan masyarakat untuk membangunkan sistem pengurusan *hisbah* menurut Islam kerana masyarakat dan generasi muda mahupun tua telah rosak. Walaupun digunakan dengan pelbagai cara dan hukuman seperti denda, penjara, sebat dan lain-lain lagi, tetapi masalah tersebut masih tidak berkurangan malah semakin bertambah dari hari ke hari. Sehubungan itu, semua negara terutamanya negara Islam perlu mengorak langkah yang lebih progresif dalam membendung masalah sosial dan jenayah yang membimbangkan. Justeru, langkah strategi untuk mengatasi masalah sosial ini perlu difokuskan kepada golongan remaja dan pelbagai langkah yang perlu diambil oleh semua pihak bagi mengatasi masalah sosial ini kerana remaja mudah terpangaruh dan lebih cenderung ke arah kemaksiatan. Dalam hal yang demikian, ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam diri anak-anak mereka dan tidak boleh menyerahkan seratus peratus kepada guru-guru di sekolah. Undang-undang Islam perlu diperketatkan lagi dan dikaji semula, ilmu dan pendidikan agama perlu diperbanyakkan lagi di sekolah-sekolah, rumah, pengajian tinggi, masjid-masjid dan di media agar masyarakat dapat menyedari dan menjauhi segala perkara yang mungkar kembali kepada landasan syariat yang sebenar. Oleh yang demikian, semua masyarakat terutama pemimpin perlu sedar dan insaf mengenai kemungkaran dan kemaksiatan yang telah berlaku serta bekerjasama mengambil langkah yang sewajarnya daripada terus bermaharajalela (JAKIM t.th.: 19).

e. Masalah Integriti Para Penguat Kuasa yang Tidak Telus

Integriti bermaksud kejujuran, keadaan sempurna dan keutuhan dan ketelusan (Kamus Dewan 2014: 582). Secara umum, integriti boleh juga difahami sebagai pengetahuan, kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh kepada nilai-nilai murni secara konsisten dalam setiap perkataan dan tindakan untuk mencapai kecemerlangan diri dan organisasi. Nilai integriti adalah sangat penting dan wajib ada pada diri setiap para penguat kuasa kerana untuk memastikan para pegawai tersebut mejalankan tanggungjawab dengan penuh amanah dan ketelusan tanpa ada sebarang sikap berat sebelah, menyeleweng, khianat, rasuah, zalim dan sebagainya. Pelan Integriti Nasional (PIN) yang diperkenalkan kerajaan Malaysia adalah bertujuan untuk merealisasikan hasrat wawasan 2020 iaitu menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri dengan membentuk sebuah masyarakat yang

kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur (Othman 2012: 8). Walaupun, kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) serta Biro Pengaduan Awam (BPA) bagi mengawasi, menerima aduan, menyiasat dan mengambil tindakan terhadap salah laku atau penyalahgunaan kuasa dalam kalangan para pengawai penguatkuasa semasa menjalankan tugas, tetapi malangnya ketidaktelusan ini masih berlaku dengan berleluasa dan para penguat kuasa yang tidak bertangungjawab masih tidak insaf atau takut untuk melakukannya. Untuk itu, undang-undang yang ada perlu diperketatkan lagi dan diawasi dengan penuh teliti bagi mengelakkan pengkhianatan dan penyelewengan itu daripada terus berlaku yang mana boleh mengakibatkan kemasuhan kepada masyarakat dan negara sekaligus mencemarkan nama baik institusi penguat kuasa di Malaysia.

f. Kelemahan Pentadbiran Politik Yang Tidak Islamik

Kerajaan adalah nadi dan tiang negara, maka jika sesebuah kerajaan rosak maka rosaklah segala politik, ekonomi dan sosial negara tersebut. Ini menunjukkan bahawa faktor politik memainkan peranan penting dalam memajukan dan memundurkan sistem pengurusan dan pentadbiran Islam. Apabila dasar sesebuah negara itu lemah dan telah condong ke arah sekularisme, maka setiap dasar dan polisi kerajaan juga turut ikut mengamalkannya. Ini menyebabkan berlaku kesukaran dalam melaksanakan dan memperkembangkan pengurusan *hisbah* menurut Islam. Para pemimpin khususnya menjadi faktor utama terhadap kegagalan dalam melaksanakan sepenuhnya nilai-nilai Islam dan ajaran agama dalam *hisbah* kerana terlalu mengambil kira pelbagai faktor sehingga boleh mengikis agama dan nilai Islam itu sendiri daripada jiwa masyarakat. Maka yang menjadi mangsa dalam hal ini ialah sistem pengurusan dan pentadbiran Islam itu sendiri kerana segala polisi dan dasar politik yang tidak berteraskan Islam akan mempengaruhi secara langsung ke atas sistem pengurusan *hisbah* dan membawa banyak masalah kepada perkembangan sistem tersebut lalu dipinggirkan. Sesebuah kerajaan Islam perlu lebih berani melaksanakan pengurusan dan pentadbiran secara Islamik sepenuhnya kerana tiada keburukan atau kemungkar yang ada padanya malah memiliki banyak kebaikan di dunia dan akhirat. Jika sesebuah kerajaan Islam dan organisasi itu mengamalkan dasar dan politik sekular, maka matlamat pengurusan dan pentadbiran Islam untuk mencapai *maqasid* akan terus menjadi perhiasan

dalam arena politik negara-negara Islam. Ini kerana pengurusan dan pentadbiran Islam itu hanya boleh dijalankan melalui polisi kerajaan dan kerajaan yang akan menterjemahkan polisi tersebut dalam perlembagaan negara seterusnya dikuatkuasakan (Wan Liz 1996: 172). Oleh itu, amat penting untuk proses pengislaman semula sistem pengurusan dan pentadbiran menurut ajaran Islam demi kebahagiaan di dunia dan akhirat kelak (Wan Liz 1996: 189).

g. Pengaruh Ideologi dan Sistem Sosioekonomi Barat

Kegagalan pendekatan sistem pengurusan *hisbah* menurut Islam untuk mendapat tempat adalah juga berpunca daripada pengaruh ideologi dan sistem sosioekonomi Barat. Ia telah mengakibatkan penguasaan dari sistem penguasaan yang berteraskan sistem sekular dalam menerajui kehidupan manusia khususnya berkaitan dengan ekonomi. Selain itu, ia turut menghasilkan kepada kepincangan dan pertentangan fahaman dalam masyarakat atau agama dan menyebabkan berlakunya kemelut sistem ekonomi semasa yang tenat kerana kehilangan nilai-nilai suci moral dan agama Islam kerana mereka mengutamakan nilai material semata-mataa bukannya serta nilai rohani (Mohd Shahwahid 1991: 12; Shaharom 1999: 4). Sifat mementingkan diri yang melahirkan ciri individu yang tamak dan rakus, penyelewengan dan rasuah, pengkhianatan dan perbalahan, serta berleluasanya riba dan menghalalkan yang haram. Kelemahan ini tidak ditonjol sebagai asas kepada kemelut ekonomi dunia. Sistem sekular, kapitalisme dan marxisme yang berpandangan bahawa kuasa ekonomi adalah penentu kepada kebahagiaan hidup manusia dengan pengumpulan harta sebanyak yang mungkin. Selain itu, sistem sosioekonomi Barat itu juga didukung dan dipengaruhi pula dengan pelbagai fahaman seperti liberalisme, pluralisme, hedonisme dan sebagainya. Oleh itu, kebanyakan segala teori dan fakta ekonomi yang diperkenalkan oleh Barat, selalunya mudah mempengaruhi keseluruhan sistem kehidupan manusia dalam sesebuah masyarakat dan negara lalu mengubah sifat dan sikap manusia itu sendiri termasuklah dalam sistem penguasaan. Berbeza dengan sistem pengurusan *hisbah* menurut Islam, segala urusan dan kerja adalah demi mengabdiikan kepada Allah SWT bagi mendapatkan keredaan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

CADANGAN BAGI MEMPERKASAKAN LAGI INSTITUSI *HISBAH*DALAM MENGHADAPI SEBARANG HALANGAN

Secara umumnya, antara langkah yang dicadangkan itu adalah seperti berikut:

a. Menerapkan Tauhid dalam Semua Institusi Penguatkuasaan

Pengaplikasian tauhid dalam semua sistem pengurusan dan pentadbiran Islam bermaksud penyempurnaan amanah yang diterima manusia dari Allah SWT sebagai hamba dan khalifahnya di dunia dengan mengerjakan amal salih secara syura iaitu perundingan dan kerjasama dalam organisasi. Tujuannya ialah untuk membina peradaban yang direndai Allah SWT berlandaskan ajaran tauhid dan bertanggungjawab menghapuskan *al-fasad* iaitu seperti korupsi, penyelewengan, kerosakan, kezaliman dan penindasan untuk menegakkan keadilan dalam organisasi dan masyarakat. Matlamat pengurusan dan pentadbiran ialah mencapai *al-falah* iaitu kesejahteraan, keuntungan dan kemenangan di dunia dan di akhirat (Mohd. Affandi 1989: 51). Penghayatan terhadap konsep tauhid ini dilihat dapat memberikan implikasi yang benar-benar signifikan terhadap pengurusan sistem *hisbah* kerana seseorang itu akan menjadi pekerja yang amanah, cekap dan berdisiplin serta tujuan akhirnya adalah untuk mendapat rahmat dan keredaan Allah SWT. Konsep tauhid akan melahirkan penguat kuasa yang mempunyai harga diri (*self-respect*), keyakinan diri (*self-esteem*), mempunyai rasa rendah diri (*modesty*) dan tawaduk. Konsep tauhid juga membuatkan manusia patuh kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan keingkarannya itu akan mengakibatkan kemurkaan Allah SWT dan mendapat balasan setimpal di dunia dan akhirat (Wan Liz Ozman 1996: 50-53). Pendekatan tauhid yang holistik dalam sistem *hisbah* ini merupakan satu pendekatan yang meletakkan Tuhan sebagai paksi segala-galanya. Dengan itu, segala penyelewengan dan kemungkaran dapat dijauhi kerana hasil kemantapan iman dan takwa.

b. Menambah Ilmu Pengetahuan Mengenai *Hisbah* Menurut Islam

Menghayati dan menguasai ilmu mengenai pengurusan *hisbah* menurut Islam memainkan peranan yang amat penting untuk melaksanakan sesuatu tanggungjawab dan tugas dalam sesebuah pengurusan dan pentadbiran. Tanpa ilmu pengurusan dan pentadbiran Islam yang merangkumi persoalan

ilmu duniawi dan juga ukhrawi, organisasi dan tugasan seseorang akan huru-hara. Ini kerana Islam mahukan semua umatnya menguruskan kehidupan mereka melalui berilmu. Sistem pengurusan *hisbah* menurut Islam merupakan satu sistem yang berilmu, maka manusia sebagai khalifah Allah SWT itu perlulah berilmu dan berpengetahuan terhadap apa yang hendak dilaksanakan dan dikerjakan terutamanya mengenai hukum-hakam dan perkara yang berkaitan *al-Amar bi al-Ma'ruf wa Nahi 'an al-Munkar* (Mardzelah 2008: 43). Manusia yang tidak berilmu, tidak akan berupaya untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah SWT. Dengan itu, langkah terbaik untuk menarik masyarakat untuk kembali memahami, menghayati dan mengamalkan sistem pengurusan dan pentadbiran secara Islamik ialah melalui penulisan, ceramah, syaranan, dakwah dan menjadi subjek wajib dalam sistem pendidikan (JAKIM t.th.: 38).

c. Memelihara Nilai-Nilai dan Etika dalam Institusi Penguatkuasaan

Walaupun program penerapan nilai murni banyak dilaksanakan tetapi masih banyak terdapat kerja dan perkhidmatan dalam kalangan para *muhtasib* yang tidak berkualiti dan tidak beretika. Integriti merupakan perkara yang paling penting dan amat dititik beratkan dalam organisasi, jabatan, pekerja dan para penguat kuasa kerana kegagalan memiliki sifat tersebut akan mencemarkan nama baik organisasi, badan, masyarakat dan negara. Pembinaan jati diri Muslim itu sangat penting bagi melahirkan individu yang beriman dan bertaqwah sebagai modal insan berdaya saing yang mampu menggerakkan pembangunan masyarakat, organisasi dan negara. Penekanan terhadap penghayatan dan pengamalan nilai murni, moral dan akhlak *Islamiyyah* melalui pembinaan sahsiah yang bercirikan positif mestilah sentiasa disuburkan dan hendaklah digalas dengan penuh iltizam dan *istiqamah* terutamanya oleh para *muhtasib*. Nilai dan etika dalam perkerjaan sangat ditekankan iaitu bekerja dengan penuh keazaman dan menganggap kerja itu adalah sebahagian daripada pengabdian diri kepada Allah SWT. Antara syarat menjadikan sesuatu pekerjaan sebagai ibadah ialah niat kerana Allah SWT, menunaikan tanggungjawab asas, kerja yang selaras dengan syarak dan menginsafi bahawa setiap tugas adalah amanah yang akan dipersoalkan kelak. Oleh itu, para *muhtasib* perlunya memiliki nilai-nilai peribadi asas, nilai profesionalisme dan nilai kebersamaan agar dapat memupuk nilai integriti atau sikap positif dalam kerja dan tabah mengawal segala kemungkaran serta memberikan menghasilkan kerja dan perkhidmatan yang berkualiti (Norain et al. 2012: 133-141; Rasid et al. 2008: 93-104).

d. Memajukan Lagi Sistem Pengurusan Penguatkuasaan

Perkara yang paling penting yang perlu ditekankan di sini ialah memajukan sistem pengurusan penguatkuasaan atau *hisbah* ini dengan jayanya. Hal demikian sangat penting terutamanya dalam mengembeleng tenaga dan menongkah arus pada era globalisasi dunia teknologi pada masa kini yang mana kesemuanya itu hendaklah sesuai dan mengikuti peredaran zaman (Auni 2009: 203). Jika sistem pengurusan *hisbah* gagal bersaing dengan kemajuan teknologi pada masa kini, maka ia akan ketinggalan dan kurang mendapat sambutan serta sokongan masyarakat bagi menjayakannya. Realitinya, teknologi canggih banyak membantu manusia dalam memudahkan lagi kerja-kerja penguatkuasaan. Perlu memajukan lagi sistem pengurusan aduan contohnya mengadakan sistem membuat aduan dalam talian *online*, menguruskan kaunter pertanyaan dan aduan khidmat pelanggan dengan lebih efisien dan berkesan, sistem aduan dan pengawasan bergerak, membaiki mutu komunikasi dengan lebih baik dan efektif. Selain itu, intitusi *hisbah* perlu menggunakan teknologi dan peralatan canggih agar memudahkan mereka melakukan pekerjaan iaitu seperti internet, telefon bimbit, kamera litar tertutup, alat pengesan, kereta perisai, bot laju, helikopter, jet, alat dan senjata canggih dan sebagainya.

e. Kesedaran dalam Diri Terhadap Setiap Anggota Penguat Kuasa

Apa yang hendak diperjelaskan di sini adalah mengenai faktor utama yang membantu kepada perlaksanaan *hisbah* itu dengan berjaya dan berkualiti walaupun dilanda pelbagai cabaran atau halangan ialah kesedaran daripada manusia itu sendiri. Kesedaran yang dimaksudkan di sini ialah sikap manusia dalam bermuhasabah diri atau menilai kembali segala yang berlaku lalu berfikiran secara positif dan kembali bersemangat untuk maju ke hadapan serta menyokong usaha-usaha untuk membangunkan institusi *hisbah* tersebut dalam ses sebuah organisasi dan negara. Jika tiada kesedaran diri dalam kalangan masyarakat dan terutamanya para penguat kuasa, maka sudah pasti institusi *hisbah* ini tidak mampu bertahan untuk menghadapi sebarang cabaran dan rintangan. Adapun kebanyakan kekuatan dan kesedaran itu timbul berpunca daripada penghayatan terhadap nilai dan ajaran agama yang sentiasa menjadikan manusia itu berfikiran positif dan mempunyai keyakinan kendiri serta iman yang mantap sehingga mampu menghadapi pelbagai kesukaran.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, secara totalnya perlaksanaan sistem pengurusan dan pentadbiran *hisbah* di Malaysia pada masa kini masih di peringkat sederhana dan kurang ketelusannya. Kebanyakan dasar dan program semuanya masih dilihat pada nama dan slogan sahaja serta tidak benar-benar berjaya dilaksanakan sepenuhnya serta tidak dihayati oleh masyarakat. Pengaplikasian sistem pengurusan dan pentadbiran *hisbah* yang berteraskan Islam di Malaysia tidak akan berjaya dilaksanakan jika tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak khususnya daripada para pemimpin dan kerajaan. Sekiranya semua masyarakat menolak dan mengikis nilai-nilai dan ajaran Islam daripada semua aspek pengurusan dan pentadbiran kehidupan mereka, maka nafsu kesyaitanan manusia yang akan bermaharajalela serta akan merosakkan agama, bangsa dan negara malah matlamat untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat akan terkubur begitu sahaja. Apa yang pasti, institusi *hisbah* pada masa kini banyak kekangannya khususnya dalam menjaga dan menegakkan hak-hak manusia, agama, bangsa dan negara. Tahap perlaksanaannya masih tidak memberansangkan atau efektif dan tidak secara holistik akibat pelbagai halangan dan kekangan yang dihadapi. Lantaran itu, perlaksanaan *hisbah* secara Islamik ini perlu diperluaskan dan dipergiatkan lagi usahanya walau apa jua rintangan yang melanda demi keselamatan dan kesejahteraan manusia di dunia dan juga akhirat. Sehubungan itu, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi memantapkan lagi peranan institusi *hisbah* sama ada aspek rohani mahupun jasmani bagi memberikan impak yang positif dalam kehidupan manusia. Justeru, pelaksanaan *hisbah* ini boleh diubahsuai dan dikemaskini mengikut kesesuaian atau perubahan zaman asalkan tidak membuang nilai dan ajaran agama itu sendiri kerana ia adalah tunggak dan benteng utama terhadap pertahanan diri individu, masyarakat, organisasi dan negara.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa institusi *hisbah* di Malaysia ini banyak memberikan kepentingannya kepada manusia khususnya dalam menjaga dan melindungi hak-hak manusia, agama, bangsa dan negara. Perlaksanaan *hisbah* menurut Islam adalah bukan sahaja satu kewajipan yang tidak boleh dipisahkan antara sesama manusia, bahkan ia adalah satu tanggungjawab yang perlu ditunaikan oleh manusia terhadap Allah SWT. Tambahan pula, ia bukan hanya menjurus kepada matlamat di dunia sahaja bahkan juga di akhirat kelak kerana ia adalah sebagai satu misi terhadap seluruh khalifah Allah SWT di muka bumi ini demi mencapai *al-falah* dan

mardat Allah SWT. Justeru, sewajarnya amalan-amalan *hisbah* pada zaman umat Islam terdahulu ini dihidupkan kembali oleh umat Islam pada zaman sekarang dalam menjamin pembangunan sistem pentadbiran politik dan ekonomi negara yang benar-benar efisien dan mapan.

RUJUKAN

- Ibn Khaldun, Abū Zayd ḨAbd al-Raḥmān Ibn Muḥammad al-Ḥadrami. 1961. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Shihawi, Ibrahim Dasuqi. 1962. *al-Hisbah fi al-Islam*. Qaherah: Maktabah Dar al-Urubah.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1982. *Ihya ḨUlum al-Din*. Jil. 2. Bayrut, Lubnan: Dar al-Maṭrifah.
- Maṭtuq, Rashad ḨAbbas. 1982. *Nizam al-Hisbah fi al-Ḥraq hatta ḨAsr al-Ma'mun Nash'atuhu wa Tatawwuruhu*. Jeddah: Tihama.
- al-Mawardi, Abu al-Hasan ḨAli Ibn Muhammad Ibn Habib al-Basri. 1989. *Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*. Kuwayt: Maktabah Dar Ibn al-Qutaybah.
- Mohd. Affandi Hassan. 1989. *Pendekatan Tawhid dalam Pengurusan dan Pentadbiran Awam: Konsep, Prinsip dan Model Alternatif*. Kuala Lumpur, Bukit Kiara, INTAN: Biro Penyelidikan dan Perancangan (BIRO).
- Mohd Shahwahid Othman. 1991. *Pengurusan Organisasi dari Perspektif Islam*. Selangor: Persatuan Siswa Islam Universiti Pertanian Malaysia (PERSIS).
- Wan Liz Wan Omar. 1996. *Pengurusan Islam Abad Ke-21*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Auni Abdullah. 2000. *Hisbah dan Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd.
- Mardzelah Makhsin. 2008. *Hisbah Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan Islam*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Rasid Muhamad, Mohd Yadman Sarwan & Salahudin Suyurno, S. 2008. *Pengurusan Islam Teori dan Praktis*. UiTM, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Norain Ishak, Noormala Rabu, Mohd Fauzi, Kalthom Mohd. Khalid, Mohd. Faizal P. Rameli & Husnul Rita. 2012. *Teras dan Amalan Pengurusan Islam*. UiTM Melaka: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU).

Azrin Ibrahim. 2014. *Amalan Hisbah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

JAKIM. t.th.. *Pelan Strategik JAKIM 2009-2014 - Memacu Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Malaysia Kita. 2014. Selangor: International Law Book Services (ILBS).

*Muhammad Syahir bin Abu Bakar
Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia.
E-mail: syaz1984@yahoo.com.my